

Kursus bina diri untuk 300,000 belia

Oleh SITI HATIJA YUSOF

KUALA LUMPUR 14 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan 300,000 ahli Gerakan Belia 4B di seluruh negara menghadiri kursus pembentukan sikap positif dan nilai diri mulia sebagai langkah mengatasi masalah sosial yang melanda negara.

Perdana Menteri berkata, langkah ini harus diambil bagi memastikan para pemimpin dan ahli pergerakan itu dibekalkan dengan akhlak moral yang tinggi dan nilai murni bagi memudahkan mereka bersedia menangani sebarang isu moral dalam kehidupan harian.

Arahan Dr. Mahathir itu disampaikan dalam pertemuan lebih sejam beliau dengan 22 ahli Exco Gerakan Belia 4B Malaysia di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, petang ini.

Presiden gerakan itu, Datuk Mohd. Ali Mohd. Rustam ketika ditemui para pemberita selepas pertemuan itu berkata, Perdana Menteri mengarahkan agar para belia dibekalkan dengan nilai peribadi

baik serta budaya sihat bagi memudahkan mereka berhadapan dengan segala masalah sosial seperti gejala dadah, bohsia, bohjan dan lepak.

“Perdana Menteri menekankan agar para belia ini mempunyai ketahanan diri yang kuat dan sanggup menghadapi sebarang cabaran serta boleh bersaing dalam semua keadaan.

“Beliau (Dr. Mahathir) juga mahu memastikan Malaysia dapat melahirkan generasi belia yang sentiasa bersedia dan mampu berhadapan dengan masalah sosial serta sama-sama bergerak menuju cita-cita negara,” katanya.

Menurut Mohd. Ali, kursus itu akan diadakan dengan kerjasama Biro Tata Negara (BTN) dan setiap peserta dikehendaki mengahdirinya sekurang-kurangnya selama tiga hari.

Katanya, kursus itu juga akan mendedahkan para belia ini kepada cara bagaimana mereka boleh menyertai dan menyumbang tenaga, kemahiran serta fikiran untuk

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1



Kursus bina diri untuk 300,000 belia

pembangunan negara.

Selain itu, Mohd. Ali berkata, Dr. Mahathir juga mahukan ahli-ahli Belia 4B bergiat secara aktif dalam program Rakan Muda dengan mewajibkan ahli-ahlinya menyertai empat daripada aktiviti program itu iaitu Rakan Waja Diri, Rakan Masyarakat, Rakan Wira Mahir dan Rakan Wira Usaha.

Katanya, Perdana Menteri juga mengingatkan para pemimpin Gerakan Belia 4B agar tidak menjadikan pergerakan itu sebagai tempat 'berpolitik' dengan menggunakan ahli-ahlinya untuk kepentingan peribadi.

Menurut Mohd. Ali, Dr. Mahathir mahu pergerakan

itu menjadikan persefahaman yang berlaku dalam pergerakan itu sebelum ini sebagai iktibar bagi memastikan pergerakan yang mempunyai ahli terbanyak itu tidak berpecah.

Untuk itu, katanya, Dr. Mahathir mencadangkan agar pergerakan belia itu banyak dipimpin oleh para pemimpin muda yang berusia di bawah 40 tahun.

“Perdana Menteri mahukan orang-orang muda ini diberi peluang memimpin dan pergerakan itu dijadikan sebagai pusat bagi melatih para pemimpin muda ini dan persediaan untuk menerajui negara di masa hadapan,” katanya.

Bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri itu,

Mohd. Ali berkata, pergerakan itu akan meminda perlembagaannya dalam Kongres 4B pada Jun ini.

Katanya, perlembagaan sekarang membenarkan mana-mana pemimpin pergerakan itu memegang sesuatu jawatan tanpa had umur.

“Dalam perlembagaan baru ini, kita akan pastikan ada had umur untuk mereka memegang sesuatu jawatan semata-mata untuk memberi peluang kepada golongan muda memimpin.

“Apa yang penting golongan yang berusia 20-an dan 30-an akan dipastikan menjadi jawatankuasa bahagian dalam pergerakan itu,” katanya.